



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

LAPORAN PENEMUAN RINGKAS
BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN/PERNIAGAAN (BTP) 2023

REPORT OF SUMMARY FINDINGS OF THE
ANNUAL CENSUS OF ENTERPRISES (ACE) 2023
BRUNEI DARUSSALAM



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

LAPORAN PENEMUAN RINGKAS
BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN/PERNIAGAAN (BTP) 2023

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengendalikan **Binci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2023** pada bulan Januari 2023. BTP 2023 mengumpul maklumat terkini mengenai pertumbuhan, sumbangan, komposisi dan taburan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh syarikat perusahaan/perniagaan di Negara Brunei Darussalam.
2. JPES telah mengeluarkan **Laporan Penemuan Ringkas Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2023** yang memuatkan data mengenai profil dan prestasi perusahaan/perniagaan di sektor swasta bagi tahun 2021 dan 2022.
3. Penemuan-penemuan utama yang dimuatkan di dalam Laporan Penemuan Ringkas BTP 2023 adalah seperti berikut:
 - a) **Perusahaan**
 - i. Sebanyak 6,570 buah perusahaan telah melapor sebagai aktif pada tahun 2022, yang mana 97.6 peratus (6,411 buah) adalah terdiri dari Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Manakala, pada tahun 2021, sebanyak 6,454 buah perusahaan adalah aktif dan 97.4 peratus (6,286 buah) adalah terdiri dari PMKS.
 - ii. Terdapat sebanyak 2,831 perusahaan bersaiz mikro (43.1 peratus), iaitu yang mempunyai kurang dari 5 orang pekerja; 2,652 perusahaan kecil (40.4 peratus) yang mempunyai antara 5 hingga 19 orang pekerja; 928 perusahaan sederhana (14.1 peratus) dengan 20 hingga 99 orang pekerja; dan 159 perusahaan selebihnya adalah bersaiz besar (2.4 peratus) dengan 100 orang atau lebih pekerja; dan

- iii. Tiga kegiatan ekonomi terbesar ialah Perdagangan Borong dan Runcit dengan 2,359 perusahaan (35.9 peratus), diikuti oleh Penginapan dan Perkhidmatan Makanan dengan 782 perusahaan (11.9 peratus); dan Pembuatan dengan 656 perusahaan (10.0 peratus).

b) Pekerjaan

- i. Jumlah pekerja di sektor swasta telah meningkat sebanyak 0.8 peratus pada tahun 2022 iaitu daripada 116,637 orang pada tahun 2021 kepada 117,591 orang pada tahun 2022;
- ii. Lebih ramai pekerja tempatan telah memasuki pasaran kerja di sektor swasta di mana bilangan mereka telah meningkat sebanyak 2.8 peratus dari 65,757 orang pada tahun 2021 kepada 67,586 orang pada tahun 2022; dan
- iii. Perdagangan Borong dan Runcit merupakan majikan yang terbesar memberikan peluang pekerjaan di sektor swasta dengan 27,211 pekerja (23.1 peratus). Ini diikuti oleh Perkhidmatan Profesional, Teknikal, Pentadbiran dan Bantuan sebanyak 15,363 pekerja (13.1 peratus) dan Pembinaan (14,908 pekerja atau 12.7 peratus).

c) Pendapatan

- i. Jumlah pendapatan dari aktiviti perniagaan di sektor swasta telah mencatatkan peningkatan sebanyak 28.0 peratus dari BND31,901.0 juta pada tahun 2021 kepada BND40,840.0 juta pada tahun 2022; dan
 - ii. Pendapatan terbesar adalah disumbangkan oleh aktiviti Pembuatan dengan nilai BND18,052.3 juta (43.0 peratus), diikuti oleh aktiviti Perlombongan dan Kuari sebanyak BND9,858.8 juta (24.1 peratus), dan aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak BND6,127.8 juta (15.0 peratus).
4. JPES ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemilik dan pengurus syarikat perusahaan dan perniagaan di atas kerjasama yang diberikan dalam membekalkan maklumat yang diperlukan bagi BTP 2023.
5. Laporan Penemuan Ringkas Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2023 boleh didapati melalui laman sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenainya bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

Telefon : 8230275 / 8320275 / 8260276 (waktu pejabat)
E-mel : economic.census@jpes.gov.bn
Laman sesawang : <https://deps.mofe.gov.bn>



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**REPORT OF SUMMARY FINDINGS OF THE
ANNUAL CENSUS OF ENTERPRISES (ACE) 2023**

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), Ministry of Finance and Economy has conducted the **Annual Census of Enterprises (ACE) 2023** starting January 2023. ACE 2023 collected latest information pertaining to the growth, contribution, composition and distribution of the economic activities undertaken by the business enterprises in the private sector.*
2. *JPES has released the **Report of Summary Findings of the Annual Census of Enterprises (ACE) 2023** which presents data on the profile and performance of the private sector businesses in 2021 and 2022.*
3. *The main findings included in this Report of Summary Findings of the ACE 2023 are as follows:*
 - a) ***Enterprises***
 - i. *A total of 6,570 enterprises have reported as being active in 2022, where 97.6 per cent (6,411 enterprises) comprised of Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs). In comparison to 2021, it is reported that 6,454 enterprises were active where 97.4 per cent comprised of MSMEs.*
 - ii. *There were 2,831 micro enterprises (43.1 per cent), that is those with less than 5 workers; 2,652 small enterprises (40.4 per cent) which employed between 5 to 19 workers; 928 medium enterprises (14.1 per cent) employing between 20 to 99 workers; and the remaining 159 enterprises (2.4 per cent) were large enterprises with 100 or more workers; and*

iii. The three largest economic activities were the Wholesale and Retail Trade with 2,359 enterprises (35.9 per cent), followed by Accommodation and Food Services Activities with 782 enterprises (11.9 per cent) and Manufacturing with 656 enterprises (10.0 per cent).

b) Employment

- i. The total employment in the private sector increased by 0.8 per cent from 116,637 persons (2021) to 117,591 persons (2022);*
- ii. More locals were entering the private sector workforce, where their number has risen by 2.8 per cent from 65,757 persons in 2021 to 67,586 persons in 2022; and*
- iii. Wholesale and Retail Trade was the top employer providing the highest number of job opportunities in the private sector with 27,211 employees (23.1 per cent). This was followed by Professional, Technical, Administrative and Support Services (15,363 employees or 13.1 per cent), Construction (14,908 employees or 12.7 per cent),*

c) Revenue

- i. The total revenue from business activities in the private sector recorded an increase by 28.0 per cent from BND31,901.0 million in 2021 to BND40,840.0 million in 2022;*
 - ii. The highest revenue was generated by Manufacturing valued at BND18,052.3 million (43.0 per cent), followed by Mining and Quarrying with BND9,858.8 million (24.1 per cent), and Wholesale and Retail Trade with BND6,127.8 million (15.0 per cent).*
4. *JPES would like to take this opportunity to express our appreciation to all owners and managers of business enterprises for their cooperation in providing the required information for ACE 2023.*
5. *The Report of Summary Findings of the Annual Census of Enterprises (ACE) 2023 is available from JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>8230275 / 8320275 / 8260276 (working hours)</i>
<i>E-mail</i>	<i>:</i>	<i>economic.census@jpes.gov.bn</i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i>https://deps.mofe.gov.bn</i>